

Kesederhanaan

“pemimpin MCA bantu kestabilan politik

KUALA LUMPUR 14 Jun — Sikap pemimpin-pemimpin MCA yang sederhana dan jujur membantu kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam menyelesaikan pelbagai masalah negara, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pemimpin parti itu sentiasa memherikan kerjasama kepada kerajaan ke arah menghasilkan kestabilan politik, keamanan dan kemajuan yang pesat di negara ini.

“MCA yang mewakili kepentingan kaum Cina di negara ini menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dalam BN. Banyak masalah negara diselesaikan dengan baik berikutan kerjasama erat itu,” katanya.

Beliau menyatakan demikian pada kata-kata aluannya dalam buku cenderamata ulangtahun ke-45 MCA yang dilancarkan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik di Wisma MCA, di sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, sumbangan MCA dalam usaha menjamin kestabilan politik negara tidak dapat dinafikan dan tanggungjawab yang dilaksanakan oleh parti itu adalah amat penting.

“Sumbangan MCA membolehkan negara menumpukan sepenuhnya kepada pembangunan dan meningkatkan taraf hidup rakyat ke tahap yang lebih baik di samping menjamin kestabilan politik berterusan,” katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara berbilang kaum, penumpuan kepada soal perpaduan rakyat begitu penting kerana hanya dengan berpegang teguh kepada prinsip itulah Malaysia boleh berkembang maju.

Perpaduan

“Menerusi perpaduan akan membolehkan kita mencapai Wawasan 2020 dalam jangkamasa yang lebih cepat lagi,” tambahnya.

Sambil mengucapkan tahniah di atas penerbitan buku itu, Perdana Menteri mengharapkan agar MCA di bawah teraju Dr. Ling akan terus maju dan dapat mengukuhkan lagi kekuatan BN.

Sementara itu, Dr. Ling dalam perutusan dalam buku yang sama berkata, identiti bersatu padu, dinamis dan progresif wujud di Malaysia berikutan kerjasama dan sumbangan

kerajaan BN kepada rakyatnya.

“Di negara ini kita dapat menjalankan kerjasama yang baik sesama rakyat termasuk dari segi politik, sosial, ekonomi dan budaya selain masing-masing hidup dalam suasana muhibah dan bertolak ansur.

“Kerajaan BN dan rakyat sama-sama mewujudkan iklim politik, sosial dan ekonomi yang mendorong kepada memupuk perpaduan kebangsaan,” kata beliau yang juga Menteri Pengangkutan.

Dr. Ling dalam kenyataannya itu menambah, maju mundurnya sesuatu bangsa sebahagian besarnya adalah bergantung kepada etika dan nilai-nilai yang diserapkan ke dalam budaya bangsa itu.

“Wawasan 2020 bertujuan memperolehi kemajuan material yang diimbangi dengan pembangunan rohani dan pengendalian etika serta nilai-nilai positif seperti berdisiplin, tekun, penyayang, berakhlak, berkeyakinan, rasional, saling menghormati dan berpandangan jauh,” tambahnya.